

**KEBIMBANGAN DAN PERANAN IBU DALAM MENJAGA AKIDAH DAN AKHLAK ANAK-ANAK DALAM ERA DIGITAL**  
**THE CONCERNS AND ROLES OF MOTHERS IN GUARDING THEIR CHILDREN AQIDAH'S AND AKHLAK IN DIGITAL ERA**Shamilatul Sufia binti Abdullah<sup>1\*</sup>, A'dawiyah binti Ismail<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pelajar Sarjana Pengajian Islam, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi Selangor. Email: p95465@siswa.edu.com.my.

<sup>2</sup> Pensyarah Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi Selangor. Emel : ada@ukm.edu.my

\* Penulis penghubung

Artikel diterima: 22 Mac 2022

| Selepas Pembetulan: 16 April 2022

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2022

**Abstrak**

Keruntuhan akhlak dan akidah Islam menjadi satu kebimbangan kepada ibu bapa yang sedang membesarkan anak-anak pada zaman era digital ini. Ibu sebagai pendidik utama dalam kehidupan anak-anak berdepan dengan pelbagai cabaran rentetan daripada perkembangan dunia digital tanpa batasan. Ruang untuk anak-anak mengakses pelbagai maklumat dan info sangat terbuka luas dan menjadi satu kebimbangan sekiranya maklumat yang diakses memberikan kesan kepada perkembangan akhlak dan akidah anak. Oleh itu, peranan ibu untuk menjadikan anak-anak kekal terpelihara akidah dan akhlak adalah sangat besar. Metodologi kajian ini adalah berbentuk fenomenologi dengan menemubual 7 informan kajian. Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan kebimbangan ibu dalam membesarkan anak-anak serta peranan mereka dalam institusi kekeluargaan untuk terus menjaga akidah dan akhlak anak-anak dalam era digital. Hasil penulisan kajian ini dapat membantu masyarakat dan ibu khususnya untuk sentiasa cakna tentang perkembangan anak-anak. Selain itu, peranan ibu dalam rumah tangga perlu diperkasakan bukan hanya dalam menyediakan makan dan minum jasaki tetapi pengisian rohani untuk menjaga akidah dan akhlak anak-anak. Dengan itu, impian untuk melahirkan institusi keluarga contoh baik menurut agama dan masyarakat yang sejahtera akan tercapai.

**Kata kunci**

Bimbang, Peranan, Ibu, Era Digital

**Abstract**

*A decline in moral and Islamic belief have always become a concerning matters among parents in raising children in this digital era. As the first tier educator in a child's life, a mother faces quite a number of concerns caused by the blooming of unlimited digital development. The widen opportunity to access every online information became a concerning problem if those accessed information affecting the development of children's moral and belief. Therefore, mothers play a great role to ensure a sound moral and sturdy belief within children. The research methodology used is phenomenology by interviewing 7 participants. The objective of this research is to discuss the concerns of mothers in raising children and their role in family institutions to keep*

*the decline in moral and Islamic belief at bay. The result of this research will help the community especially mothers to be aware of their children development. Besides that, a mother's role in a household does not circulate around preparing food for the bodily needs only but also tending to their spiritual needs in order to guard their belief, moral, and sharia. Hence, the mission to bring forth a great family according to Islam and a sound and peaceful society will become a dream come true.*

**Keywords**

Concerns, Role, Mothers, Digital Era

**1. Pengenalan**

Membina keluarga yang bahagia merupakan satu perkara yang diimpikan oleh setiap orang. Keluarga sakinah, mawaddah dan rahmah merupakan doa yang sering dibaca dan dipohon oleh setiap keluarga Islam (Sakinah et al., n.d.). Oleh itu, menjadi satu kewajipan bagi orang Islam untuk cuba membina keluarga yang dirahmati dan di redhai Allah. Islam menggariskan pelbagai syarat dan ketetapan dalam membentuk sebuah keluarga yang baik. Anggota keluarga terdiri daripada bapa, ibu, dan anak-anak. Setiap daripada anggota keluarga mempunyai peranan masing-masing agar rumah tangga yang dibina menjadi sakinah, mawaddah dan rahmah. Bapa khususnya merupakan tonggak yang diangkat oleh Allah untuk mengemudi bahtera rumah tangga. Manakala, ibu merupakan penolong yang paling setia mengasuh, menjaga dan mendidik anak-anak setelah bapa.

**1.0 Peranan Ibu dalam Rumah Tangga**

Kamus Dewan Bahasa Edisi keempat (2014) mentafsirkan sakinah sebagai satu perasaan tenang dan tenteram dalam diri seseorang atau satu pihak. Sakinah juga berkaitan dengan perasaan, kehidupan dan ketenteraman. Sakinah boleh dirujuk sebagai sejahtera yang mempunyai maksud yang sinonim iaitu senang dan tenteram. Oleh itu, keluarga sakinah secara asasnya adalah keluarga yang sejahtera. Wan Yusuf (2018) menjelaskan secara khusus berkaitan sakinah yang pernah disebutkan dalam hadis. Asas sakinah dalam rumah tangga adalah rasa kebahagiaan, kesejahteraan dan keselesaan hidup di dunia yang terdiri daripada aspek-aspek fizikal dan mental seperti wanita solehah, rumah yang lapang, tunggangan dan jiran yang baik. Oleh itu, kesejahteraan sesebuah keluarga adalah wujudnya seorang wanita dan ibu yang baik, rumah kediaman yang lapang dan selesa, kenderaan yang baik serta kejiranan yang tenteram, aman dan selamat.

Artikel ini mengkhususkan kepada satu aspek membentuk kesejahteraan yang merujuk kepada peranan ibu dalam sesebuah rumah tangga. Peranan yang dikhususkan kepada ibu dalam rumah tangga amat besar dan penting. Ibu yang solehah berperanan untuk melahirkan, menyusui dan menjaga anak-anak sebaik mungkin.

Seperti Firman Allah

فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ

Maksudnya:

Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolongan-Nya.

Surah al-Nisa' (2):34

Keluarga yang sempurna adalah keluarga yang meninggikan martabat wanita dan memaknai peranannya dengan betul. Wanita juga disebut sebagai perhiasan dunia. Seperti sabda Rasulullah SAW,

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا  
الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ \* "

Daripada Abdullah Ibn Amru Rasulullah SAW berkata: Dunia adalah perhiasan, dan sebaik-baik perhiasan dunia adalah wanita yang solehah.

Riwayat Muslim, no 1467

Wanita solehah itu ialah wanita yang taat kepada Allah. Seorang isteri dan ibu yang solehah menjadi tanggungjawabnya untuk menjaga dan mendidik anak-anak supaya mengikut perintah Allah. Apabila ibu sentiasa menjalankan tanggungjawab sebagai seorang Muslim, maka anak-anak mudah untuk mencontohinya sehingga anak-anak mudah untuk tunduk patuh kepada ajarannya.

Firman Allah SWT:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا وَحَمْلُهُ وَفِصْلُهُ ثَلَاثُونَ  
شَهْرًا

Maksudnya:

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan.

Surah al-Ahqaf (46): 15

Ibu merupakan wanita mulia yang sangat disanjung tinggi dalam Islam. Menjadi wanita solehah merupakan satu kemestian kerana ia merupakan suruhan Allah. Ayat di atas menunjukkan ibu adalah individu terpenting dalam sebuah rumah tangga. Menjadi seorang ibu dalam era digital ini bukanlah sesuatu yang mudah. Banyak cabaran dan tugas yang semakin terbeban perlu digalas. Kebanyakan ibu pada era ini merupakan ibu yang berkerjaya. Banyak sebab yang mempengaruhi seorang ibu untuk bekerja pada masa kini. Antara sebab utama ibu memilih untuk bekerja adalah

untuk memenuhi keperluan asas dalam kehidupan sekarang yang semakin banyak. (A'dawiyah Ismail, 2012).

### 1.1 Peranan Ibu dalam Mendidik Anak-Anak

Abdullah bin 'Amru bin Al- 'As r.a berkata bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

عَنْ عُمَرُو بْنِ شَعِيبٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ -رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ- قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ-: «مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ، وَاصْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا، وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ، وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Maksudnya:

Perintahkanlah kepada anak-anak kamu untuk mengerjakan solat semasa mereka berumur tujuh tahun. Dan pukullah mereka untuk sekiranya mereka solat ketika mereka berumur sepuluh tahun dan asingkanlah mereka daripada tempat tidur kamu.

Riwayat Abu Daud, (495)

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.

Surah At-Tahrim (66): 6

Ayat di atas menjelaskan tanggungjawab untuk menjaga dan memelihara keimanan atau akidah anak-anak terletak pada bahu pemimpin dalam keluarga (Ajmain et al., 2020). Ibu dan bapa secara khususnya merupakan pemimpin dalam keluarga perlu memperincikan setiap aspek pertumbuhan anak-anak agar keimanan dan ketaqwaan mereka terpelihara. Al-Ghazali menjelaskan didikan yang tidak boleh diabaikan oleh ibu bapa adalah didikan berkaitan akhlak, pergaulan iaitu menjaga pergaulan ahli keluarga serta tidak membiarkan anak membesar menjadi anak yang suka berbohong, berdengki, mencuri dan mempunyai sifat buruk yang lain (Al Ghazali, 2011). Terdapat perbezaan yang ketara antara anak-anak yang diawasi pertumbuhan -pembesaran oleh ibu bapa dan anak-anak yang kurang diawasi pembesaran mereka (Rifki Irawan, Metti Verawati, Dianita Rifqia Putri, 2019).

### 1.1.1 Menjaga akidah dan akhlak anak dalam Era Digital

Pegangan hidup seorang muslim itu bergantung kepada syariat yang telah ditetapkan oleh Allah. Setiap Muslim perlu berpegang teguh kepada syariat Allah dan sunnatullah adalah cara hidup beragama Islam yang sebenar. Akidah yang dipegang oleh umat Islam mestilah selari dari sudut kepercayaan dan amalan hidup seharian. Dalam konteks ajaran akidah yang benar, Malaysia mengiktiraf jalur akidah Ahli Sunnah Wa al Jamaah sebagai aliran yang paling benar mengikut syariat dan sunnah Nabi Muhammad SAW. Aliran pemikiran ini berpandukan al-Quran dan Hadith yang paling muktabar. Penggalan ilmu perlulah dilakukan dalam membina rumah tangga agar semua ahli keluarga selamat daripada kesesatan.

Allah SWT memberikan satu tanggungjawab yang besar kepada ibu bapa secara khususnya untuk menjaga ahli keluarga daripada menjadi bahan bakar di dalam api neraka. Menjaga akidah adalah perkara yang paling penting yang perlu dititik beratkan dalam didikan ibu bapa. Tugas ibu secara khususnya bukan hanya perlu menjadi penjaga jasadiyah anak-anak, tetapi ibu juga perlu menitikberatkan kerohanian dan akhlak anak-anak (Amir et al., 2015).

Akidah adalah perkara yang sukar untuk dijelaskan secara tekstual dan akliah. Namun, menurut (Makhsin et al., 2016) pada ketika itu, tidak ada suatu metod penyampaian akidah yang tersusun serta sistematik, berasaskan hujah-hujah tekstual dan akliah. Oleh itu, lubang-lubang penyelewengan akidah itu sentiasa ada dan terbuka sekiranya tidak dijaga dengan rapi. Sebagai ibu, tugas mengekal dan menjaga akidah anak-anak amat besar. Dunia digital yang terbentang luas menjadi suatu perkara yang sangat membimbangkan.

Dalam dunia digital kini, pelbagai maklumat yang disajikan memerlukan tapisan dari ibu kerana ia boleh memberikan impak kepada akidah dan akhlak anak-anak. Sebagai contoh, paparan sambutan perayaan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama sering ditonjolkan dalam siri kartun anak-anak. Upin dan Ipin merupakan antara siri cerita yang terkenal di Malaysia. Terdapat satu episod siri Upin Ipin menyambut "Pesta Cahaya" memaparkan bagaimana Upin dan Ipin menyambut pesta perayaan Deepavali bersama jiran-jirannya (<https://www.youtube.com/watch?v=8VvksBWAj4>). Ibu perlu sentiasa menerangkan kepelbagaian agama yang ada dan sentiasa menjaga dan meninggikan agama Islam sebagai agama yang benar di sisi Allah. Ibu perlu menerangkan fenomena *Tasyabbuh* yang ada di dalam rakyat berbilang kaum di Malaysia ( Mohd Anuar Ramli & rakan-rakan, 2013) yang selalunya turut dimasukkan dalam siri kartun tontonan anak-anak.

Menurut kajian tinjauan yang dilakukan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di Lembah Klang, sebanyak 78.3 peratus ibu bapa memberikan gajet kepada anak-anak. Anak remaja pula lebih mudah untuk terdedah dengan kandungan yang pelbagai. Mereka sering mencuba pelbagai aplikasi sosial untuk berhubung dengan rakan-rakan. Antara aplikasi yang sering digunakan ialah Facebook, Instagram dan Twitter. Menurut laporan, penggunaan Facebook sebagai aplikasi hubungan sosial adalah sebanyak 91.3% berbanding Instagram 63.1% (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau MCMC) yang daripadanya

72% adalah pengguna yang memerlukan pemantauan daripada ibu dan bapa iaitu dari umur 0-24 tahun (Users, 2020). Perkara ini boleh menimbulkan kerisauan ibu dalam menjaga dan mendidik anak-anak agar tidak terpengaruh dengan pelbagai maklumat yang boleh memberikan kesan kepada akhlak mereka.

Kajian lain yang dilakukan oleh Diana G. Oblinger dan James L. Oblinger yang dilakukan pada (2005) menerangkan ciri-ciri generasi Z ialah mereka yang lahir pada tahun 1995-2010 dan kini berumur antara 12 tahun hingga 25 tahun, mereka dikenali sebagai generasi internet. Mereka sangat celik dengan digital dan kemahiran teknologi serta visual. Malah, generasi ini juga gemar menggunakan aplikasi tertentu untuk bersosial. Selain itu, mereka juga mudah untuk mengakses maklumat dan menyebabkan banyak berlaku pengabaian ketepatan maklumat yang diperolehi.

Oleh itu, ibu perlu sentiasa memastikan anak-anak mendapat pendedahan maklumat yang betul. Kebanyakan masa penggunaan gajet berlaku di dalam rumah. Justeru, ibu mempunyai peranan terbesar untuk memastikan anak-anak mendapat maklumat yang tepat bersesuaian dengan akidah dan akhlak Islam. Pola asuhan yang betul dari ibu dapat membentuk peribadi dan akhlak anak-anak (Popy Puspita Sari, Sumardi, Sima Mulyadi. 2020). Era digital ini memerlukan ibu untuk berhati-hati dengan pilihan kandungan yang ingin disajikan kepada anak-anak. Ibu boleh membiarkan atau berterusan memantau melalui aplikasi *Parenting Control* (Jamiaah Abdul Jalil, Nurfarahain Abu Bakar, Juwairiah Hassan.tt) atau hanya memberikan gajet apabila bersama dengan anak.

## **1.2 Kebimbangan ibu mendidik anak-anak dalam Era Digital**

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2013), kebimbangan diertikan sebagai perihal bimbang iaitu kluatir atau risau setelah sesuatu kejadian itu berlaku. Hal ini sangat tepat dikaitkan dengan kebimbangan ibu dalam melihat keruntuhan dan penyelewengan akidah yang banyak berlaku dalam kalangan anak muda. Oleh itu, kesedaran untuk ibu memainkan peranan dalam tumbesaran anak-anak menjadi tumpuan utama kajian.

Perkembangan revolusi industri di dunia telah bermula pada tahun 1712 dengan memperkenalkan enjin wap dan peralatan mekanikal. Seterusnya, revolusi Industri 2.0 pada tahun 1870 pula telah mencipta elektrik dan mencetuskan pengeluaran secara besar-besaran. Seiring kemajuan yang dilalui, penambahan tenaga buruh manusia juga meningkat dengan mendadak. Jika sebelumnya pekerja dalam bidang perindustrian dipelopori oleh kaum lelaki, tetapi kini wanita juga turut berperanan dalam pembangunan negara khususnya. Revolusi Industri 3.0 pada tahun 1969 yang telah membangunkan elektronik dan ICT. Seterusnya, pembangunan teknologi ICT dan internet yang pesat pada masa kini telah mempercepatkan proses peralihan kepada Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) .

Perkembangan Industri Revolusi 4.0 telah difahami turut menyebabkan perkembangan dunia digital, media dan telekomunikasi. Perkembangan ini pada awalnya adalah positif dengan kemudahan capaian maklumat dengan lebih pantas. Gajet seperti telefon pintar, komputer dan capaian internet yang meluas merancakkan lagi penggunaannya (Hasanah Abd Khafidz, 2020). Kanak-kanak pada era ini telah

menjadikan gajet sebagai aksesori yang setia disisi dan menjadi alat permainan yang utama apabila disambungkan kepada rangkaian internet (Ngadiman & Mohamad Ashari, 2018). Tambahan pula, penggunaan gajet ini juga dilihat tidak terkawal semenjak pandemik COVID-19. Hal ini berlaku apabila sesi pengajaran dan pembelajaran yang sepatutnya dilakukan secara bersemuka terpaksa dilakukan secara maya. Keadaan ini telah melibatkan semua peringkat umur sehingga tidak terkecuali pada peringkat tadika (Rahman et al., 2017). Ibu bapa yang telah membayar yuran tadika anak-anak mahu juga anak-anak turut serta dalam pembelajaran online supaya tidak ketinggalan dalam pembelajaran (M Fakhru Halim & Jasmani, H. 2020).

Justeru itu, perkembangan teknologi dan digital kini sudah masuk ke dalam kehidupan kita dan perlu disambut baik. Faktor perkembangan revolusi industri merupakan antara penyumbang kepada pengembangan ICT dan digital (Izati & Mohd, 2021). Jika dahulu masyarakat mungkin merasakan ia adalah perkara baharu dan susah untuk diterokai malah memberi kesan yang baik kepada manusia. Namun, perkembangan pesat tanpa kawalan yang baik boleh menyumbang kepada penyalahgunaan teknologi. Sebagai ibu yang baik, sudah tentulah perlu untuk mereka campur tangan dalam memastikan ahli keluarga mereka berada pada capaian dan pemahaman yang baik berkaitan penggunaan teknologi ini.

Oleh itu, timbul kebimbangan kepada ibu untuk memastikan akidah dan akhlak anak-anak terus terpelihara tanpa meninggalkan didikan yang terbaik untuk terus mendidik anak-anak dalam era digital.

### 1.3 Cabaran Era Digital

Terdapat beberapa cabaran era digital dihadapi oleh anak-anak antaranya ialah:

#### a) Cabaran Keselamatan Sosial

Rangkaian internet dan gajet digunakan secara meluas dalam menghubungkan manusia dan memudahkan pengurusan aktiviti harian. Jika sebelum ini, kita perlu ke kedai secara fizikal untuk membeli barangan harian, tetapi kini sudah banyak alternatif yang disediakan supaya pengguna dapat membeli melalui talian internet dan penghantaran sehingga ke rumah. Anak-anak boleh memasukkan maklumat peribadi mereka di dalam laman sosial yang boleh menyebabkan risiko bahaya. Banyak yang tidak bertanggungjawab berusaha untuk mengambil kesempatan terhadap anak-anak kita. Maklumat peribadi seperti gambar, alamat rumah, nombor telefon amat mudah untuk diperoleh. Tambahan, jika tidak berhati-hati anak-anak boleh terlibat dengan aktiviti judi online (Syafur Hardiansyah, 2016) dan aplikasi mencari pasangan seperti Sugarbook yang hangat diperkatakan kebelakangan ini (Siti Haliza Yusop, 2021).

Laman sosial seperti Facebook, Twitter, Tiktok dan Instagram merupakan antara laman sosial yang paling banyak pengguna. Sesiapa sahaja boleh menjadi pengguna dan membuka akaun laman sosial. Dalam satu aspek kita tidak dapat menyangkal keperluan aplikasi sosial yang membantu anak-anak untuk berhubung dengan kawan-kawan dan memperluaskan jaringan persahabatan mereka. Namun begitu penggunaan yang berlebihan memberikan mudarat kepada kesihatan mental dan fizikal anak-anak (Ngadiman & Mohamad Ashari, 2018). Penggunaan Twiter, Facebook, Tiktok dan Instagram amat memberikan impak kepada emosi, peribadi dan

dapat mengubah cara berfikir seseorang. Maka ibu perlu menjadi perisai yang teguh dan berilmu untuk terus menjaga anak-anak dari terjerumus kepada keruntuhan akhlak dan akidah.

b) Cabaran Pengaruh Kandungan Media Sosial

Anak-anak terutamanya terus ghairah menggunakan gajet sehingga ibu bapa kadang-kadang tidak dapat mengawasi mereka selama 24 jam (Ngadiman & Mohamad Ashari, 2018). Kekangan kerja ibu bapa juga merupakan antara cabaran kerana mereka juga perlu memenuhi tuntutan kerja masing masing. Anak-anak yang baru membesar kadangkala terdedah secara terus tanpa sekatan melalui medan digital ini. Kandungan internet tanpa sempadan adalah merupakan satu perkara yang bahaya. Jika tidak ada penjaga sebagai *gate keeper* kepada peranti anak-anak, maka kebarangkalian untuk terdedah kepada info yang tidak sihat amat besar terutama berkaitan akidah dan akhlak.

Sebagai contoh, siri Upin dan Upin yang merupakan siri kegemaran anak-anak usia 2-10 tahun. Terdapat satu watak popular di dalam siri itu iaitu watak Abang Saleh. Abang Saleh memegang watak sebagai seorang lelaki bujang yang lembut dan berperwatakan seperti perempuan. Perkara ini adalah salah dari segi syarak iaitu lelaki menyerupai perempuan. Anak-anak yang sedang membesar mudah untuk mengikut gerak-geri dan perbuatan setiap watak yang dimainkan (Yulianeta & Dewi Prajnaparamitha Amandangi, 2021)

c) Cabaran Maklumat Tanpa Batasan

Anak-anak boleh terus mengakses maklumat yang ingin mereka ketahui dengan terus menekan papan kunci. Sekiranya mereka ingin mencari perkara berkaitan ilmu Fiqh, Akidah atau Sains, mereka boleh terus mendapatkan jawapan. Anak-anak yang sedang membesar ini juga suka akan ilmu baru luar dari batasan keperluan mereka. Sebagai contoh, mereka kini lebih mudah mengakses bahan-bahan pornografi. Dalam situasi seperti ini sudah tentu ia meningkatkan kebimbangan ibu bapa. Sekiranya mereka tidak ada benteng yang kukuh serta ilmu yang baik maka ruang untuk mereka terjebak amat luas. (Azrina et al., 2021)

## 2. Skop dan Metodologi kajian

Metodologi kajian merupakan suatu perancangan penyelidikan yang dilakukan bagi mendapatkan data-data yang tepat atau hampir tepat (Chua, 2014). Reka bentuk kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kajian fenomenologi berdasarkan pengalaman sebenar yang dilalui (Darussalam & Hussin, 2016).

Dalam kajian ini pengkaji menemubual peserta kajian secara mendalam. Pengkaji memilih 7 orang wanita yang bergelar ibu sebagai peserta kajian. Seterusnya informan disoal dengan soalan secara khusus berkaitan kebimbangan dan peranan mereka dalam menjalankan tugas sebagai ibu. Selain itu, pengkaji juga menghimpunkan bahan kajian yang lepas dan cuba memahami isu dan permasalahan yang timbul serta mengenalpasti kelemahan yang ada dalam perbincangan. Oleh itu, metode pendokumentasian berfokus diperolehi setelah pengumpulan data dan rumusan dibuat.

### 3. Dapatan Kajian dan analisis

Berikut merupakan dapatan kajian yang dilakukan secara temu bual, berkaitan kebimbangan dan peranan ibu dalam menjaga akidah dan akhlak anak dalam era digital.

Jadual 1. Demografi responden

Responden	Pekerjaan	Bil Anak	Umur
R1	Suri Rumah	5	43
R2	Guru Tadika	7	38
R3	Guru Sekolah menengah	5	35
R4	Guru sekolah rendah	3	32
R5	Guru sekolah rendah	3	34
R6	Pelajar Sarjana	3	31
R7	Ketua Jurutera	3	40

Sumber: Temu bual 2022

JADUAL 2. Kebimbangan tentang perkembangan era digital

Bil	Kebimbangan perkembangan era digital	Keterangan
R1.	Sangat bimbang, sehingga ibu <i>limitkan</i> masa untuk main gajet serta gunakan Google Link untuk pantau	Masih memberikan masa untuk bermain game dan tengok youtube
R2.	Takut terjerumus, jika terlalu main phone. Takut jika anak tengok gambar-gambar tidak elok	Takut
R3.	Ada kebimbangan. Takut anak tersalah pilih kandungan. Untuk anak remaja perempuan banyak lihat kandungan di Tiktok dan Youtube. Dia banyak meniru tarian. Kandungan melibatkan akidah ada terlihat di tiktok berkaitan idol korea, idol korea menyatakan mereka banyak membaca al -Kitab sebelum tidur atau ketika mereka murung. Ibu berasa bimbang takut mempengaruhi anak.	Tetapi anak 12 tahun hanya menari di rumah.
R4.	Bab akidah ni tersorok. Walaupun kandungan lelaki perempuan berpelukan. Isu akidah pun banyak yang <i>indirectly</i> contohnya dalam Boboiboy.	Anak-anak tiada gajet sendiri. Ibu menerangkan fungsi gajet itu kepada anak.

R5.	Mestilah ada rasa bimbang tambah-tambah dunia sekarang. Dalam upin ipin pun ada benda tak sepatutnya. Saya akan review dulu setiap movie atau cerita yang boleh ditonton oleh anak-anak.	Setiap gajet ada parent link. Ibu menyekat konten yang tidak sepatutnya. Contoh Youtube di tetapkan mengikut peringkat umur anak-anak.
R6.	Risau kalau tengok Youtube dan anak terpengaruh dengan <i>Youtuber</i>	Sentiasa bersama anak. Akaun youtube link dengan abinya.
R7.	Bimbang sebab anak tak boleh beza baik dan buruk	Anak boleh mengakses semua jenis gajet tapi dengan pantauan google link.

Sumber: Temu bual 2022

#### JADUAL 2. Penerapan nilai islam dalam pendidikan di rumah

Bil	Bentuk penerapan nilai Islam	Keterangan
R1.	Ibu memilih kandungan yang sesuai untuk anak. Omar Hana. Solat bersama, selepas solat bercakap.	Memberikan nasihat semasa ke semasa berlaku dalam suasana santai sambil makan.
R2.	Solat berjemaah maghrib dan Isyak, baca Al quran,	Masa untuk sembang dan tanya masalah anak-anak.
R3.	Solat berjemaah waktu Maghrib, Isyak dan Subuh.	Waktu solat itu di gunakan untuk menerangkan apa-apa.
R4.	Banyak bersembang, dan busykan anak. Ajak solat sama-sama. Ajar anak bertanggungjawab. Contohnya pinggan habis makan, letak tempat betul.	Sentiasa jadikan anak bertanggungjawab dari kecil umur 2 tahun.
R5.	Ibu mantapkan ilmu dan bertanya kepada kawan jika tidak tahu. Sentiasa explain semula berkaitan akidah dan <i>I will try my best</i> .	Anak-anak nak belajar lebih banyak.
R6.	Ibu terangkan semula yang salah kepada anak. Solat berjemaah setiap kali maghrib, anak dah tau mandi, ambil wuduk, tunggu abi, solat jemaah.	Ibu banyak kaitkan dengan Allah yang menciptakan setiap kejadian.
R7.	Jauhkan dari cerita dongeng, seperti Cinderella, Sleeping Beauty dan ajarkan banyak sirah nabi hadis nabi.	Ajarkan banyak sirah nabi, dan banyak baca kisah sahabat nabi.

Sumber: Temu bual 2022

JADUAL 3: Impak negatif peranti digital kepada anak

Responden	Impak negatif peranti digital kepada akidah dan akhlak anak
R1	Kartun Loud House, memberi impak kepada percakapan anak.
R2	Tidak bimbang kerana mendedahkan hanya dengan Youtube kids
R3	Akan naik tajuk yang tidak sesuai di Youtube, contohnya Naruto bersama Sakura berpelukan. Kemudian ada Sizuka dan Nobita buat apa-apa. Kadang-kadang naik awal video Youtube. Bimbang anak akan mencuba
R4	Kuasa-kuasa dalam Boboiboy, jadi benda tu besar menarik perhatian anak. Contohnya,kuasa angin, kuasa lain-lain..pernah anak cakap Boboiboy lagi hebat dari Allah. Abang Saleh dalam Upin Ipin lembut. Ada lagu tegur Abang Saleh, anak mudah terikut.
R5	Upin Ipin pun ada benda tak sepatutnya. Kalau ada kartun popular, kalau kartun ada <i>say bad words</i> , saya tidak akan bagi anak tengok saya cuba sehabis baik cerita. Contohnya Ramona yang ada <i>bad words</i> . Boboiboy pun tak bagi tengok sebab sebut aku kau.
R6	Risau anak terpengaruh dengan Youtuber. Contohnya terikut Aqil Zulkifli dan Ameerah yang <i>viral</i> , yang menghina makanan. Sekarang fasa anak mengikut-ngikut kalau <i>youtuber</i> main game dan sebut babi dan lain-lain perkataan. Budak terpengaruh, contohnya Ammar nak jadi <i>Youtuber</i> , <i>Youtuber</i> boleh jadi kaya.
R7	Bila dia suka baca mangga <i>online</i> , iklan yang tidak senonoh yang keluar itu bahaya.

Sumber: Temu bual 2022

### Kesimpulan

Perubahan dunia menuntut umat Islam untuk terus membangun bersamanya. Islam tidak menyekat sebarang bentuk perkembangan teknologi dan digital. Perkembangan ini memberikan impak positif kepada tamadun manusia. Sungguhpun begitu, perkembangan yang menimbulkan kebimbangan kepada ibu dalam usaha menerapkan nilai Islam dalam kehidupan anak-anak. Kebanyakan responden bersetuju peranti digital mempunyai banyak kebaikan dan turut terdapat keburukan. Menjadi kebimbangan setiap ibu jika anak masing-masing mengakses perkara yang dapat mempengaruhi akidah dan akhlak mereka. Setiap ibu sangat berperanan untuk terus menerap dan memastikan akidah dan akhlak anak-anak mereka terpelihara supaya dapat membentuk sebuah keluarga yang sejahtera.

**Rujukan**

- Abu Dawūd, Sunan Abi Dawūd, kitab al-solah, Bab Mata yu'maru al-ghulām bi al-solāh, 495, hasan sahīh
- 'Adawiyah Ismail & Salasiah Hanin Hamjah. (2012). Kefahaman Terhadap Kedudukan Wanita Bekerjaya menurut Islam. *Jurnal al-Hikmah* Vol 4. hlm. 3-14
- Hasanah Abd Khafidz, H., Jamiaah, S., Jalil, A., Salasiah, I., & Hamjah, H. (2020). e-Prosiding Bicara Dakwah Kali Ke 21. [www.ukm.my/bicaradakwah/](http://www.ukm.my/bicaradakwah/)
- Siti Jamiaah Abdul Jalil, Nurfarahain Abu Bakar & Juwairiah Hassan (2020). Pengawalan Ibu Bapa Berkerjaya Terhadap Penggunaan Gajet Dalam Kalangan Kanak-Kanak: Satu Kajian Kes. e-Prosiding Bicara Dakwah Kali Ke 21.
- Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik
- Ajmain, T., Safar, J., Studies, I., & Teaching, T. (2020). Pendidikan Anak-Anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan Pendidikan Anak-Anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan. October 2019.
- Al Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (2011). *Ihya' Ulum alDin*. Surabaya: PT Elba Fitrah Mandiri Sejahtera
- Amandangi, D. P. (2021). *Upin-Ipin* : 548(Traced 2020), 166–169.
- Amir, S. N., Johari, S. H., & Jasmi, K. A. (2015). Gugatan Akidah: Bertawakal kepada Selain Allah SWT. Seminar Pemantapan Akidah 2015, May 2015, 13–28.
- Coordinating, F., & Preparedness, E. (n.d.). *Standard Operating Procedures*.
- Diana G. Oblinger & James L. Oblinger. "Is It Age or IT: First Steps Toward Understanding the Net Generation." In *Educating the Net Generation*, by Diana G. Oblinger & James L. Oblinger, North Carolina: Educause, 2005, 2.52.7.
- Fariza Md. Sham. "Generasi Z dan Isu Perpaduan." *Bangi: ICIP Universiti Kebangsaan Malaysia*, 2017: 14. 13 Ibid : 14-15
- Harun, H., & Mohamad Ali, H. (2021). Peranan Bapa Dalam Pembentukan Keluarga Sejahtera: Analisa Isu-Isu Dan Cabaran Di Era Digital The Role of Fathers in the Formation of Well-Being Family: An Analysis of Issues and Challenges in the Digital Era (Vol. 8, Issue 2).
- Izati, F., & Mohd, B. (2021). Pendidikan Digital Era Ri 4 . 0 Dalam Pendidikan Islam. 2021(April), 436–451.
- Kamus Dewan Bahada dan Pustaka Edisi Keempat
- Mardzelah Makhsin, Nurulwahida Hj Azid@Aziz, Mohd Aderi Che Noh & Mohamad Fadhli bin Ilias. 2016. Pengukuhan Aqidah Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah (Aswj) Dalam Pendidikan Islam Ke Arah Menangani Gerakan Syiah Di Malaysia. *Proceeding of ICECRS*, 1 (2016) 305-312 ISSN. 2548-6160
- M Fakhru Halim & Jasmani, H. 2020. Yuran tadika: Ibu Bapa Pengusaha Sama-Sama Tersepit. *Malaysia Kini*, 19 April.
- Mohd Anuar Ramli, Paizah Hj Ismail, Ahmad Badri Abdullah, Mohammad Aizat Jamaludin. (2013). Fenomena Al-Tasyabbuh (Penyerupaan) Dalam Sambutan Perayaan Masyarakat Majmuk Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Jil. 21, Bil. 1 (2013) 21-42

- Mohd Nasaruddin Parzi. 2019. Pengaruh Gajet Terhadap Kanak-Kanak Membimbangkan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/632517/pengaruh-gajetterhadap-kanak-kanak-membimbangkan>
- Muhammad Ayman Al-Akiti & Zainul Abidin bin Abdul Halim. (2019). Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Konteks Alam Melayu. Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Waljamaah 3.0.
- Muslim, sahih muslim, kitab al-Ridāc, Bab khairu matācu al-dunya, al-maratu al-sālihah, 1467
- Ngadiman, A. A., & Mohamad Ashari, Z. (2018). Sikap Terhadap Gajet Teknologi Dan Kesannya Kepada Sosio-Emosi Pelajar: Kajian Meta-Analisis. *Sains Humanika*, 10(3–2), 89–94.
- Nor Azrina @ Nor Azura Ab. Rahman, Tengku Maaidah Tengku Razak, Nik Nurul Akmal Ab. Alim, Nur Kamilah Kamaruddin, Najahudin Lateh & Nurhidayah Hashim. Pornografi Dalam Kalangan Remaja Generasi Z Menurut Perspektif Islam. *Online Journal of Research in Islamic Studies* 8(2) (2021): hlm, 67-78
- Popy Puspita Sari, Sumardi, Sima Mulyadi. (2020). Pola Asuh Orang Tua yang Bekerja Terhadap Perkembangan Sosial Emosional Anak Usia Dini, *Jurnal PAUD Agapedia*. Vol.4 No. 1 Jun 2020 hlm 157-170
- Rahayu, P. (n.d.). Pengaruh Era Digital Terhadap Perkembangan.
- Siti Nur Husna Abd Rahman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, & Muhammad Adnan Pitchan. (2017). Peranan wanita dalam institusi kekeluargaan: Perbincangan dari perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 1–16.
- Rifki Irawan, Metti Verawati, Dianita Rifqia Putri. (2019). Hubungan Pola Asuh Ibu Bekerja Dengan Perkembangan Sosial Anak Usia Prasekolah. *Health Science Journal* Vol. 3. Isu 2, hlm 33-42
- Sakinah, K., Dan, M., & Dalam, R. (n.d.). Konsep sakinah, mawaddah dan rahmah dalam pernikahan.
- Sosial, P., & Usia, A. (2019). kematangan dalam hubungan sosial dan ada sejak lama, banyak ibu-ibu bekerja pada dasarnya seorang ibu mempunyai tugas keterlambatan. Menurut Ikatan Dokter Anak Indonesia ( IDAI ) Jawa Timur sebesar 53 %. 3(2).
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Internet User 2020. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS-2020Infographic.pdf>
- Syafrul Hardiansyah. 2016. Kegiatan Judi Online Dikalangan Pelajar Dan Mahasiswa Di Kota Pekanbaru. *JOM FISIP* Vol. 3 No. 1. Hlm 1-15
- Yulianeta & Dewi Prajnaparamitha Amandangi. (2021). Upin-Ipin: Gender Issues in Early Childhood Education. *Proceedings of the First Transnational Webinar on Adult and Continuing Education. Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, vol 548.
- Yusuf, W. M., Chik, W., Wahab, A., Ali, M., Jusoh, A. J., Alqari, A., & Zabudin, M. (2018). Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis Al-Sa'Adah. *Asian People Journal (APJ)*, 1(2), 92–108. [www.journals.unisza.edu.my/apj/www.jurnal.unisza.edu.my/apj](http://www.journals.unisza.edu.my/apj/www.jurnal.unisza.edu.my/apj)